



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 25 Februari 2020, seramai 1,548 individu telah diambil sampel bagi pengesanan jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19). Mereka terdiri daripada *patient-under-investigation* (PUI), kontak kepada kes positif COVID-19 dan individu yang tiba dari Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 22 kes disahkan positif COVID-19 iaitu 12 dari kalangan PUI, lapan (8) daripada kontak langsung dengan kes disahkan positif COVID-19 dan dua (2) kes lagi adalah dalam kalangan Misi Bantuan Kemanusiaan.

Kes COVID-19 terakhir yang dilaporkan di Malaysia adalah pada 15 Februari 2020. Daripada 22 kes COVID-19 ini, 20 kes telah pulih sepenuhnya dan telah discaj dari wad. Manakala dua (2) kes lagi masih di rawat di wad dan dalam keadaan stabil.

KKM telah memperkukuhkan surveilan COVID-19 dalam kalangan pesakit dengan diagnosa *severe acute respiratory infection* (SARI) dan *influenza-like-illness* (ILI). Ia bagi mengesan kes sporadik dan kes tempatan yang tiada kaitan dengan sejarah perjalanan ke Negara China atau kontak dengan kes positif COVID-19. Sehingga 25 Februari 2020, sebanyak 122 sampel telah diuji; iaitu 77 dalam kalangan SARI dan 45 kes ILI. Sehingga kini tiada kes SARI atau ILI yang dikesan positif jangkitan COVID-19.

Pada 25 Februari 2020, Singapura-Malaysia *Joint Working Group for Corona Virus* telah pertama kalinya bermesyuarat bagi membincangkan kerjasama

dua hala dalam pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan COVID-19, berikutan daripada hasil sesi persidangan video Malaysia-Singapura yang telah diadakan pada 11 Februari 2020. Antara perkara yang dipersetujui adalah:

1. Perkongsian maklumat mengenai pengurusan klinikal pesakit melibatkan Pakar-pakar Perubatan dari kedua negara bagi memastikan hasil perawatan yang optimum diberikan kepada pesakit COVID-19;
2. Memperkukuhkan 'entry screening' di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) darat Malaysia-Singapura, yang berfungsi sebagai saringan rentas sempadan bersama;
3. Berkongsi dan menyelaraskan protokol saringan kesihatan di PMA darat kedua-dua negara;
4. Malaysia dan Singapura akan saling berkongsi nasihat kesihatan serta mesej awam yang digunapakai untuk hebahan kepada masyarakat masing-masing; dan
5. Mengaktifkan rangkaian *Bilateral Field Epidemiology Training Network* (FETN) Malaysia-Singapura bagi perkongsian data surveilan dan hasil analisisnya.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan COVID-19 di seluruh dunia dan orang ramai akan dimaklumkan sebarang perkembangan mengenainya. Orang ramai juga dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat terkini dari laman sesawang KKM.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**  
**26 Februari 2020**